

Suruhanjaya Tenaga

(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,

62100 Putrajaya, Malaysia.

T: +603 8870 8500 F: +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78

**PELARASAN TARIF ELEKTRIK DI KULIM HI-TECH PARK, KEDAH
BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2017 HINGGA 30 JUN 2017 BAGI PENGGUNA
KATEGORI INDUSTRI DAN KOMERSIAL**

Selaras dengan pelan rasionalisasi subsidi negara bagi memastikan bekalan gas asli adalah sentiasa terjamin, Kerajaan telah memutuskan bahawa harga gas asli berpaip bagi tujuan penjanaan elektrik dinaikkan sebanyak RM1.50/MMBtu daripada RM18.20/MMBtu kepada RM19.70/MMBtu sejak 1 Julai 2016 hingga 31 Disember 2016.

Sumber bahan api gas asli berpaip merupakan sumber utama untuk penjanaan elektrik di Kulim Hi-Tech Park (KHTP), dan pada masa ini, kenaikan kos tersebut memberi kesan ke atas semakan *imbalance cost pass-through* (ICPT). Mekanisme ICPT adalah merupakan salah satu keperluan di bawah pelaksanaan regim kawal selia berinsentif (*incentive-based regulation – IBR*) yang telah dimulakan sejak 1 Ogos 2016, bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan kualiti bekalan elektrik di KHTP.

Sehubungan dengan itu, pada 14 Disember 2016 Kerajaan telah bersetuju supaya semakan pelepasan kos tidak seimbang (*imbalance cost pass-through - ICPT*) bagi Kulim Hi-Tech Park (KHTP), Kedah adalah pengenaan surc妖 sebanyak 0.66 sen/kWj bagi tempoh mulai 1 Januari 2017 sehingga 30 Jun 2017, sejajar dengan kualiti bekalan yang lebih baik.

Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi subsidi sokongan tarif sebanyak RM5 juta bagi meringankan beban pengguna-pengguna di KHTP.

Keputusan ini meliputi semua kategori pengguna di KHTP kecuali pengguna domestik.